

06 AUG 2002

MIBC-BALI/I

MESYUARAT PERTAMA MAJLIS PERNIAGAAN MALAYSIA-INDONESIA DI BALI

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Majlis Perniagaan Malaysia Indonesia (MIBC) akan mengadakan mesyuarat pertamanya pada 7 Ogos di Bali sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sana.

Mesyuarat itu akan disusuli dengan majlis pemeeterian rasmi pada 8 Ogos dengan disaksikan oleh Dr Mahathir dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, demikian kata Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) Datuk Dr Michael Yeoh dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Idea menubuhkan majlis itu timbul ketika lawatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Jakarta baru-baru ini.

Beliau dan Naib Presiden Indonesia Hamzah Haz menyokong majlis yang bermatlamat untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala.

Dr Yeoh berkata MIBC akan menyediakan sebuah rangka kerja untuk mengenal pasti bidang kerjasama antara masyarakat perniagaan kedua-dua negara dan akan menggalakkan penubuhan usaha sama oleh syarikat dan usahawan kedua-dua negara.

Majlis yang digerakkan oleh sektor swasta ini akan selalu memberikan laporan dan maklum balas kepada kedua-dua kerajaan, dan menyediakan forum untuk membantu menyelesaikan masalah dan isu yang dihadapi oleh pelabur Malaysia di Indonesia, katanya. -- BERNAMA

CL KTC JR